



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوسئو سئسئئ قئسئءءقن سلطآن اءرس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
DI ANTARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
DENGAN
SEKOLAH TINGGI KEGURUAN DAN ILMU
PENDIDIKAN SUMATERA BARAT

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ini dibuat pada⁷.....haribulan^{Mei}.....tahun 2018.

Di Antara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS, sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang beralamat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia (selepas ini disebut sebagai "UPSI") sebagai pihak pertama;

dan

SEKOLAH TINGGI KEGURUAN DAN ILMU PENDIDIKAN SUMATERA BARAT, yang beralamat di Jl. Gunung Pangilun Padang, Sumatera Barat (selepas ini disebut sebagai "STKIP PGRI SUMBAR") sebagai pihak kedua;

UPSI dan **STKIP PGRI SUMBAR** selepas ini akan dirujuk secara individu sebagai "Pihak" dan secara bersama sebagai "Pihak-pihak"

BAHAWASANYA:-

- A. UPSI adalah sebuah Universiti yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan pengajaran, pembelajaran dan kemampuan penyelidikannya dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan reputasi dan melengkapkan keunggulan dengan menjalin pelbagai kerjasama dengan pihak lain.
- B. STKIP PGRI SUMBAR adalah sebuah institusi yang dikelolakan di bawah Yayasan Pendidikan PGRI Padang Sumatera Barat yang menawarkan program-program pendidikan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor pendidikan di Indonesia;
- C. Kedua-dua pihak berhasrat untuk memasuki Memorandum Persefahaman ini bagi mewujudkan dan meningkatkan hubungan kerjasama, tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini.

FASAL 1
TUJUAN

Pihak-Pihak, tertakluk kepada terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa bersetuju untuk memperkukuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama bersama dalam hak asasi manusia melibatkan bidang pendidikan, penyelidikan dan khidmat masyarakat antara kedua-dua atas dasar kesamarataan dan faedah bersama.

FASAL 2
SKOP KERIASAMA

- 2.1 Pihak-pihak bersetuju untuk menjalankan kerjasama di dalam bidang-bidang seperti berikut:
- a) pelaksanaan program kajian dan penyelidikan dalam bidang Sejarah, Pendidikan dan Sosial Budaya;
 - b) penerbitan dan penyebaran hasil penyelidikan yang berkaitan dengan Sejarah, Pendidikan dan Sosial Budaya;
 - c) perkongsian kepakaran antara Pihak-Pihak terutama dalam bidang arkib, Sejarah, Pendidikan dan Sosial Budaya dari semasa ke semasa;
 - d) penggunaan kemudahan tempat/premis berkaitan program yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran;
 - e) pelaksanaan program penempatan pelajar-pelajar mengikut kesesuaian masa dan bidang yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak; dan
 - f) apa-apa perkara lain dalam penyelidikan dan perkongsian kepakaran yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak dari semasa ke semasa.
- 2.2 Pihak-pihak bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut tentang kerjasama yang dinyatakan dalam fasal 2.1 di atas bagi memperjelaskan lagi butirannya dalam bentuk yang lebih terperinci dengan persetujuan bersama.
- 2.3 Dalam keadaan Pihak-pihak bersetuju, mereka boleh memasuki perjanjian yang berasingan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dipersetujui bersama.

FASAL III
PERKIRAAN KEWANGAN

- 3.1 Tiada apa-apa di dalam Memorandum Persefahaman ini yang akan menimbulkan sebarang obligasi kewangan kepada mana-mana pihak.
- 3.2 Pihak-pihak akan menanggung kos dan perbelanjaan masing-masing dalam pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini.

FASAL IV
TIDAK MENGIKAT

Memorandum Persefahaman ini hendaklah disifatkan semata-mata sebagai pernyataan hasrat Pihak-pihak untuk mengadakan hubungan kerjasama. Tiada apa-apapun di dalam Memorandum Persefahaman ini yang boleh disifatkan sebagai mewujudkan apa-apa tanggungan di sisi undang-undang di antara Pihak-pihak.

FASAL V
PERKONGSIAN/AGEN

Tiada apa-apa yang termaktub dalam Memorandum Persefahaman ini boleh ditafsirkan sebagai menubuhkan suatu perkongsian bersama atau mana-mana bentuk organisasi perniagaan berdaftar di antara kedua-dua pihak atau melantik salah satu pihak sebagai agen pihak yang satu lagi.

FASAL VI
TEMPOH DAN PENAMATAN

- 6.1 Memorandum Persefahaman ini hendaklah berkuatkuasa untuk tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh ditandatangani kecuali ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis.
- 6.2 Memorandum Persefahaman ini boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh selanjutnya atas persetujuan bertulis Pihak-pihak.

FASAL VII
PERUBAHAN DAN PINDAAN

Tiada sebarang perubahan dan pindaan yang boleh dibenarkan terhadap Memorandum Persefahaman ini melainkan dibuat secara bertulis dan dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak.

FASAL VIII
PENGGANTUNGAN

Setiap Pihak berhak, atas sebab keselamatan negara, kepentingan negara, ketenteraman atau kesihatan awam, untuk menggantung secara sementara, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini yang penggantungannya hendaklah berkuat kuasa sebaik selepas pemberitahuan diberikan kepada Pihak yang satu lagi melalui saluran diplomatik.

FASAL IX
PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Sebarang perselisihan pendapat dan pertikaian di antara pihak-pihak tentang apa jua perkara yang berkaitan dengan Memorandum Persefahaman ini hendaklah diselesaikan melalui rundingan atau perbincangan di antara Pihak-pihak.

FASAL X

NOTIS

Apa-apa notis yang hendak diberi oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos berdaftar, atau faksimili atau emel ke alamat berikut:

Bagi UPSI:

Alamat : Jabatan Geografi dan Alam Sekitar
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan.

Untuk Perhatian : Ketua Jabatan

No. Tel : 05-450 5070 / 05-450 5047 / 05-450 5151

No. Faks : 05-459 8606

Emel : info@fsk.upsi.edu.my/
kj.geografi@fsk.upsi.edu.my

Bagi STKIP PGRI SUMBAR:

Alamat : Ketua STKIP PGRI Sumatera Barat
Jl. Gunung Pangilun Padang
Sumatera Barat, Indonesia

Untuk Perhatian : Kepala Kantor Urusan Internasional

No. Tel : (0751) 7053731 - 7053826


No. Faks : (0751) 34311

E-mail : stkip_pgripadang@yahoo.co.id

~ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong ~

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS, yang bertandatangan di bawah yang telah diberi kuasa sewajarnya oleh Institusi masing-masing, telah menandatangani Memorandum Persefahaman ini.

Ditandatangani
untuk dan bagi pihak
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS




.....
**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD
SHATAR SABRAN**
Naib Canselor

Ditandatangani
untuk dan bagi pihak
**SEKOLAH TINGGI KEGURUAN DAN ILMU
PENDIDIKAN, SUMBAR**



.....
DR. HJ. ZUSMELIA, M.SI
Ketua STKIP PGRI Sumbar

Disaksikan oleh



.....
DR. HAJAH ZAINAB OTHMAN
Pendaftar

Disaksikan oleh



.....
DRS. H. DASRIZAL, MP
Ketua Yayasan